

# KUMPULAN IN-SHOFF KETIGA TERBAIK ZON UTARA NASYID PIALA NAIB CANCELOR UUM

*Oleh : Rosernifariza Ramlan dan Mashitoh Abu*

1 Ogos 2008 - Kumpulan In-Shoff UniMAP telah berjaya meraih tempat ketiga di dalam pertandingan Nasyyid Piala Naib Canselor yang telah diadakan di Pusat Budaya dan Seni UUM.

Pertandingan ini telah mendapat sambutan daripada IPT dari zon utara. Sebanyak 13 IPT yang bertanding termasuk tuan rumah dan UniMAP. Antara IPT yang bertanding ialah Kolej Politech Mara, Kolej Mara Kulim, Kolej Mara Kuala Nerang, Kolej Matrikulasi Kedah, Institut Perguruan Perlis, UiTM Perlis dan UiTM Pulau Pinang dan sebanyak 6 kumpulan telah berjaya memasuki peringkat akhir yang diadakan pada sebelah malamnya antaranya ialah UUM, UniMAP, UiTM Pulau Pinang, Kolej Matrikulasi Kedah, Institut Perguruan Persekutuan Pulau Pinang dan Institut Perguruan Perlis.

Johan pertandingan tersebut ialah UiTM Pulau Pinang dan membawa pulang Piala Naib Canselor dan piala iringan, wang tunai sebanyak RM 500.00 dan sijil penyertaan. Manakala Naib Johan dimemenangi oleh tuan rumah iaitu UUM dengan wang tunai sebanyak RM 400.00 piala iringi dan sijil penyertaan.

